

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**KAWASAN : BATU KAWAN**  
**TARIKH BAHAS : 16 MAC 2017**  
**NO. SOALAN : 24**

**KASTHURIRAANI A/P PATTO** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan perjanjian yang telahpun ditandatangani dalam lawatan rasmi YAB Perdana Menteri tahun lepas diantara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan negara China, jenis sektor atau industri yang terlibat serta jumlah pelaburan atau pinjaman yang berkaitan dengan penandatanganan tersebut.

## **Jawapan:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Sebelum saya memberi huraian lanjut, ingin dimaklumkan bahawa 14 perjanjian/ memorandum yang dimaksudkan adalah dalam bentuk usahasama perniagaan (*business-to-business* - B2B). Selain perjanjian/ memorandum persefahaman antara Kerajaan (*government-to-government* - G2G), 14 perjanjian/ memorandum B2B juga telah dimeterai oleh pemimpin-pemimpin perniagaan Malaysia dan Republik Rakyat China semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Beijing pada November 2016.
2. Perjanjian/ memorandum B2B yang ditandatangani tersebut merangkumi sektor pembinaan, infrastruktur, keluli, kewangan, tenaga boleh diperbaharui, teknologi hijau, perbankan, pertanian (sarang burung walit) dan e-dagang.
3. Antara projek-projek ikonik dalam senarai memorandum/ perjanjian B2B yang melibatkan pelaburan-pelaburan China termasuk:

a) **Melaka Gateway**

Projek *Melaka Gateway* telah disenaraikan sebagai Entry Point Project (EPP) melibatkan pembangunan “*mixed development*” yang tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pelbagai seperti pelancongan, pusat & kompleks perniagaan, pelabuhan laut dalam dan kawasan industri maritim berteknologi tinggi. Projek ini akan dibangunkan secara bersama oleh syarikat KAJ Development Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan syarikat Power China International Group Limited di atas tanah yang ditambak (seluas 1,359 ekar) dan merangkumi 4 buah pulau. Nilai pembangunan kasar (GDV) projek dianggarkan berjumlah RM64 bilion dan dijangka dapat menarik 2.5 juta pelancong setahun ke Melaka serta memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 45,000 orang.

Projek Melaka Gateway ini diselaraskan oleh **Kerajaan Negeri Melaka**.

b) **East Coast Railway Link - ECRL**

Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) merupakan jaringan perkhidmatan tren baharu yang akan merentasi

Banjaran Titiwangsa dan melibatkan laluan sepanjang kira-kira 600 kilometer melalui beberapa buah bandar seperti Gombak, Mentakab, Jengka, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan berakhir di Tumpat.

Sepertimana yang dimaklumkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), projek ini masih di peringkat awal di mana kaji selidik pasaran melalui kaedah Pelawaan Memberi Maklumat (RFI) sedang dilakukan SPAD dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Projek ECRL dianggarkan bernilai RM55 bilion, akan menjadi pemangkin ekonomi bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) membabitkan negeri-negeri Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebahagian timur laut Johor.

Projek ECRL ini diselaraskan oleh **Kementerian Kewangan.**

4. Lapan daripada perjanjian/ memorandum B2B tersebut merupakan pelaburan berjumlah USD20.10 bilion dan satu perjanjian adalah pinjaman bernilai USD13.75 bilion bagi tujuan pembinaan Landasan Keretapi Pantai Timur (*East*

*Coast Rail Link – ECRL*). Manakala 5 perjanjian yang selebihnya melibatkan kerjasama dalam bidang-bidang seperti penyelidikan, e-dagang dan kemudahan kewangan yang bernilai USD2.06 bilion.

5. Y.A.B. Perdana Menteri juga telah melantik Tan Sri Ong Ka Ting, Duta Khas Perdana Menteri ke Republik Rakyat China sebagai *focal point* untuk menerajui penyelarasan semua tindakan susulan termasuk perkembangan 14 perjanjian/ Memorandum Usahasama Perniagaan (B2B).